

MALAY LANGUAGE TEACHING AND LEARNING SYLLABUS Primary One to Six

**Implementation starting with
2008 Primary One Cohort**



Ministry of Education
SINGAPORE

© 2007 Curriculum Planning and Development Division.

This publication is not for sale. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without the prior permission of the Ministry of Education, Singapore.



KANDUNGAN

PENDAHULUAN	5
VISI ARIF BUDIMAN	7
MODEL KURIKULUM BAHASA MELAYU	8
MATLAMAT DAN OBJEKTIF	10
KEMAHIRAN BAHASA	11
HASIL PEMBELAJARAN	11
PENGISIAN KURIKULUM	13
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	16
PERANCANGAN PROGRAM BAHASA MELAYU DI SEKOLAH	22
PENILAIAN	24
LAMPIRAN PERIBAHASA	28

PENDAHULUAN

Dasar Pendidikan Singapura yang menegaskan prinsip dwibahasa telah menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran bahasa ibunda yang wajib dalam kurikulum sekolah di negara ini. Selain menjadi bahasa kebangsaan, bahasa Melayu juga merupakan bahasa penting bagi penyaluran pemikiran dan budaya. Bahasa Melayu berupaya menjalin ikatan masyarakat sepanjang zaman. Oleh yang demikian, kesinambungan penggunaan bahasa penting bagi mengekalkan jati diri masyarakat. Di samping itu, penguasaan bahasa Melayu juga membolehkan warga Singapura merebut peluang di rantau yang berkembang pesat.

Dalam usaha mendukung hasrat negara untuk menjadikan pendidikan sentiasa relevan dalam era globalisasi, semakan kurikulum dan pedagogi Bahasa Melayu telah dilaksanakan pada tahun 2005. Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu telah menampilkan wawasan bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan berpandukan visi 'Arif Budiman', iaitu membina insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Visi ini mendukung matlamat pendidikan negara untuk merealisasikan bakat dan potensi murid serta mengembangkan kebolehan mereka bagi menghadapi cabaran hari muka.

Berpandukan visi yang telah ditetapkan, kurikulum Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah bertujuan membina literasi murid dalam berbahasa. Sukatan Pelajaran yang mendasari visi ini memberikan tumpuan terhadap kemahiran berbahasa, mementingkan pembelajaran yang berkesan dan menekankan pelibatan murid secara aktif serta mengutamakan keupayaan dan keperluan setiap murid. Pemerolehan kemahiran mendengar dan bertutur diberikan penekanan khususnya pada peringkat awal sekolah rendah untuk membolehkan murid bertutur dengan fasih dan yakin. Kemahiran-kemahiran asas ini akan dikembangkan untuk menyokong pemerolehan kemahiran membaca dan menulis pada peringkat selanjutnya. Dalam proses menguasai bahasa, murid-murid akan dilatih agar mempunyai keupayaan untuk menerima informasi, menjana idea dan berkongsi pengetahuan. Hal ini dapat dilakukan melalui konteks komunikasi yang berkesan. Sukatan Pelajaran ini juga menegaskan penerapan aspek nilai dan budaya. Selain itu, terdapat juga penerapan kemahiran berfikir, teknologi maklumat, pembelajaran sosial dan emosi, serta inovasi dan keusahawanan.

Sukatan Pelajaran ini memberikan gambaran menyeluruh tentang pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu yang merangkumi matlamat, objektif, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, pengisian kurikulum, pedagogi dan penilaian. Semoga penerangan dan panduan yang diberikan dapat membantu guru menyediakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

VISI BAHASA MELAYU - ARIF BUDIMAN

Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura adalah untuk membentuk setiap murid menjadi individu yang mempunyai ciri-ciri Arif Budiman – insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Pengajaran Bahasa Melayu berperanan untuk melengkapkan setiap murid dengan ilmu, kemahiran dan sikap untuk menjadi insan sedemikian. Visi ini menyediakan satu hala tuju bagi guru dan murid Bahasa Melayu untuk membina kefasihan berbahasa dan penghayatan budaya.

Berikut ialah visi Bahasa Melayu dan perkara-perkara yang diutamakan dalam pengajaran bahasa dan budaya Melayu pada setiap peringkat pendidikan.

VISI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Arif Budiman

Insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat.

Prauniversiti

Membina bahasa dan budaya Melayu secara kreatif dalam kesediaan menghadapi cabaran dan peluang dalam dunia yang berubah.

Menengah


Mendalami dan menghargai bahasa dan budaya Melayu dalam pelanjutan pembangunan negara.

Rendah

Mengenali dan memahami bahasa dan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura.

MODEL KURIKULUM BAHASA MELAYU

MODEL KURIKULUM BAHASA MELAYU



Bulatan Tengah

Murid



Murid menjadi tumpuan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan dan bahan pengajaran yang digunakan haruslah disesuaikan dengan keperluan, keupayaan dan gaya belajar setiap murid untuk membolehkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran secara berkesan.

Bulatan Kedua

Komunikasi dan Informasi



Proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk membina kemahiran murid berkomunikasi dan memperoleh informasi tentang bahasa, budaya, sastrera dan nilai serta menyampaikan pengetahuan yang diraih dengan fasih dan berkesan.

Pemerolehan dan Penggunaan Bahasa yang Berkesan, dan Penghargaan Terhadap Budaya dan Nilai

Pemerolehan dan penggunaan bahasa yang berkesan diharapkan akan dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid dan penghargaan mereka terhadap bahasa, sastrera, budaya dan nilai.

Bulatan Ketiga

Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis



Untuk menjadi pengguna bahasa Melayu yang berkesan, murid perlu menguasai keempat-empat kemahiran bahasa: mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut membolehkan murid berkomunikasi dengan fasih dan berkesan.



Pengajaran Pembezaan

Dalam mencapai objektif pelajaran yang dirancang, kandungan, proses dan hasil pembelajaran serta aspek persekitaran murid diutamakan.

Hasil Pembelajaran Bertahap

Hasil Pembelajaran Bertahap menggalakkan pelibatan murid dalam pembelajaran secara aktif untuk memaksimumkan potensi mereka.

Tahap 1 merupakan hasil pembelajaran asas.

Tahap 2 merupakan hasil pembelajaran teras yang perlu dikuasai oleh semua murid.

Tahap 3 merupakan hasil pembelajaran yang dapat memperkaya kemahiran berbahasa murid.

Integrasi Kemahiran

Proses pengajaran dan pembelajaran menegaskan integrasi kemahiran termasuk kemahiran berfikir.

Penerapan IT

Selain bahan-bahan bercetak, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menegaskan penerapan IT.

Bulatan Keempat




Tujuan - Matlamat berkomunikasi. Contohnya, berbual, berdialog, memberikan ucapan, membuat pengumuman dan menemu duga.

Konteks - Situasi di mana komunikasi berlaku, baik formal atau tidak formal. Contohnya, dalam bilik darjah, pasar dan pejabat.

Khalayak - Orang yang terlibat dalam komunikasi. Contohnya, ibu bapa, guru atau rakan, secara individu atau kumpulan.

Budaya - Merujuk nilai budaya dan bagaimana bahasa dituturkan. Contohnya, bertutur secara bertatasusila dan menggunakan sistem panggilan yang sesuai.

Segi Tiga



Segi Tiga merangkumi Sukatan Pelajaran, Pedagogi dan Bahan Pengajaran, dan Penilaian

Ketiga-tiga aspek ini amat berkait rapat dan saling mempengaruhi antara satu dengan yang lain bagi memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna.

Visi Bahasa Melayu



Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura adalah untuk membina setiap murid menjadi individu yang mempunyai ciri-ciri Arif Budiman – **insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat**. Visi ini menyediakan satu hala tuju bagi guru dan murid membina kefasihan berbahasa dan menghayati budaya Melayu.

MATLAMAT

Matlamat Kurikulum Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah adalah untuk membolehkan murid mengenali dan memahami bahasa dan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura. Dengan itu, murid dapat berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu baku untuk memenuhi keperluan diri dan perhubungan sosial dalam konteks masyarakat Singapura.

OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah murid dapat:

- 1 mendengar dan memahami pengucapan dengan teliti dalam situasi formal dan tidak formal dan memberikan tindak balas atau respons yang wajar
- 2 bertutur dengan petah menggunakan sebutan baku dan intonasi yang betul tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan diri dan sekitarnya
- 3 membaca pelbagai bahan bercetak dan bahan media elektronik dan digital dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh maklumat, idea dan pengetahuan serta memberikan respons yang sesuai
- 4 menulis pelbagai jenis teks berdasarkan pelbagai tajuk dan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi
- 5 berfikir secara kritis dan kreatif untuk meneroka, mereka cipta, menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan bersama dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara melalui penggunaan bahasa secara kritis dan kreatif
- 6 mengenali dan memahami budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Melayu serta budaya dan nilai-nilai murni negara dan kaum-kaum lain
- 7 memupuk minat membaca dan menjadikannya amalan ke arah membina budaya belajar sepanjang hayat.

KEMAHIRAN BAHASA

Kemahiran Bahasa merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Pemerolehan kemahiran bahasa ini merupakan teras dan penguasaan bahasa baku. Huraian bagi setiap kemahiran bahasa adalah seperti yang berikut.

Kemahiran Mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai konteks dan situasi pengucapan seperti perbincangan, ucapan, lakonan, dan temu bual. Murid juga berupaya memberikan tindak balas yang wajar.

Kemahiran Bertutur merujuk kepada keupayaan murid mengajukan pertanyaan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, dan idea secara lisan dengan sebutan baku, intonasi dan jeda yang betul. Penekanan diberikan kepada kesantunan berbahasa dalam pengucapan dan penggunaan tatabahasa yang betul.

Kemahiran Membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan baku, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Aspek pemahaman pelbagai bahan yang dibaca dan memberikan respons yang wajar perlu diberikan penekanan.

HASIL PEMBELAJARAN

Hasil pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan berdasarkan objektif program Bahasa Melayu yang dirancang. Pernyataan ini memberikan gambaran yang jelas tentang kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Asas pembinaan hasil pembelajaran adalah dengan menyepadukan kemahiran bahasa yang asas, budaya dan pengisian kurikulum.

Setiap murid diharapkan dapat mencapai hasil pembelajaran umum pada akhir pembelajaran peringkat darjah 2, 4 dan 6. Setiap hasil pembelajaran ini mengandungi hasil pembelajaran khusus dan subkemahiran yang dihuraikan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3. Penetapan hasil pembelajaran yang bertahap ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada semua murid menguasai kemahiran berbahasa yang diharapkan mengikut minat dan kebolehan mereka. Murid yang cemerlang berpeluang untuk terus maju dan murid yang menghadapi kesukaran dalam pembelajaran akan dibimbing untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan.

Untuk mencapai hasil pembelajaran ini, guru perlu menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa. Murid perlu diberi peluang untuk menguasai dan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran, kemahiran berfikir secara kritis dan

kreatif, kemahiran teknologi maklumat, sistem bahasa dan aspek sosiolinguistik dalam lingkungan penggunaan bahasa.

Perincian tentang setiap hasil pembelajaran diberikan dalam huraian sukatan pelajaran.

Sukatan pelajaran ini menyediakan hasil pembelajaran umum di peringkat utama: Darjah 2, 4 dan 6. Perincian tentang setiap hasil pembelajaran ini diberikan dalam huraian sukatan.

HASIL PEMBELAJARAN UMUM PERINGKAT DARJAH 2, 4 DAN 6

HASIL PEMBELAJARAN UMUM			
PERINGKAT/ PERKARA	DARJAH 2	DARJAH 4	DARJAH 6
Kemahiran Mendengar	Mendengar dan memahami teks antaranya arahan, pesanan, cerita dan puisi kanak-kanak bagi menjalankan tindak balas berdasarkan konteks secara lisan atau bukan lisan.	Mendengar dan memahami teks antaranya cerita kanak-kanak, iklan, dialog dan puisi (pantun dan syair) bagi menjalankan tindak balas berdasarkan konteks secara lisan atau bukan lisan.	Mendengar dan memahami teks antaranya ucapan, berita, cerpen, novel dan puisi (pantun, syair dan sajak) bagi menjalankan tindak balas berdasarkan konteks secara lisan atau bukan lisan.
Kemahiran Bertutur	Bertutur dengan jelas menggunakan sebutan baku sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks serta boleh berinteraksi sosial tentang diri dan lingkungannya.	Bertutur dengan jelas dan lancar dengan menggunakan sebutan baku, intonasi dan jeda yang betul sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks serta boleh berinteraksi sosial tentang diri dan sekitarnya.	Bertutur dengan jelas, lancar dan berkesan; menggunakan sebutan baku, intonasi dan jeda yang betul sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks dan boleh berinteraksi sosial tentang diri dan masyarakatnya.
Kemahiran Membaca	Membaca teks seperti karangan dan puisi (pantun dan lirik lagu) dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan memberikan respons yang sesuai.	Membaca teks seperti cerpen, karangan dan puisi (pantun dan syair) dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan memberikan respons yang sesuai.	Membaca teks seperti karangan, cerpen, novel, dan puisi (pantun, syair dan sajak) dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan memberikan respons yang sesuai.
Kemahiran Menulis	Menulis secara mekanis dan membina perenggan berdasarkan panduan/rangsangan.	Menulis teks prosa (naratif, deskriptif, fungsional) dan puisi berdasarkan panduan/rangsangan.	Menulis pelbagai teks berdasarkan panduan/rangsangan.

PENGISIAN KURIKULUM

1 Sistem Bahasa

Sistem bahasa merupakan aspek bahasa yang perlu dipelajari dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Aspek bahasa ini merangkumi tatabahasa, kosa kata, sebutan dan intonasi, sistem ejaan, aspek tanda baca dan peribahasa. Penguasaan aspek bahasa ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu baku dengan betul.

Aspek bahasa tersebut ialah:

1.1 Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

1.1.1 Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk kata, proses pembentukan kata dan golongan kata.

- a. Bentuk kata terdiri daripada:
 - i. kata tunggal
 - ii. kata terbitan
 - iii. kata ganda
 - iv. kata majmuk
- b. Proses pembentukan kata meliputi:
 - i. pengimbuhan
 - ii. penggandaan
 - iii. pemajmukan
- c. Golongan kata terdiri daripada:
 - i. kata nama
 - ii. kata kerja
 - iii. kata adjektif
 - iv. kata tugas

1.1.2 Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

- a. unsur utama ayat, iaitu kata, frasa dan pembinaan serta pembahagian ayat (subjek dan predikat)
- b. jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan
- c. ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
- d. susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- e. binaan ayat, iaitu ayat dasar, ayat tunggal dan ayat majmuk.

1.2 Kosa Kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan dikembangkan selaras dengan pertambahan ilmu murid melalui pembelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah.

1.3 Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut dan membaca dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan sesuatu makna dengan tepat berdasarkan konteks dan situasi. Sebutan bahasa Melayu yang digunakan ialah sebutan bahasa Melayu baku.

1.4 Ejaan

Perkara yang ditekankan ialah:

- pola keselarasan huruf vokal
- ejaan kata pinjaman
- ejaan kata terbitan.

1.5 Aspek Tanda Baca

- a. penggunaannya dalam bentuk ayat
- b. penggunaannya dalam bentuk bukan ayat

1.6 Peribahasa

Dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa peringkat sekolah rendah, penumpuan diberikan pada bahagian simpulan bahasa dan perumpamaan. Pemilihan peribahasa pula berdasarkan nilai murni masyarakat Melayu dan negara.

2 **Domain Pembelajaran**

Jumlah domain tiada hadnya. Namun, untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa, beberapa domain berikut dipilih untuk mendedahkan murid kepada pelbagai konteks mengikut pengalaman dan kematangan mereka.

2.1 Domain Peribadi

Domain ini merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan peribadi individu dan hubungannya dengan keluarga dan kenalan.

2.2 Domain Masyarakat

Domain ini merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan individu dan hubungannya dengan masyarakat Melayu yang melibatkan cara hidup termasuk kehidupan sosialnya.

2.3 Domain Negara dan Serantau

Domain ini merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan individu dan hubungannya dengan anggota masyarakat lain dalam konteks masyarakat majmuk di Singapura dan masyarakat serantau serta hal-hal sekitaran.

3 **Nilai Murni dan Budaya**

Penyerapan nilai murni dan budaya dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang berhemah tinggi selaras dengan visi Arif Budiman. Pendidikan ini merangkumi nilai murni dan budaya masyarakat Melayu dan negara termasuk hasrat Pendidikan Nasional dan Hasil Pendidikan yang Diingini. Penyerapan kedua-dua aspek ini diharapkan dapat membantu murid mengenali, memahami dan menghayati nilai dan budaya masyarakat Melayu dan juga mengenali budaya masyarakat lain dalam konteks masyarakat majmuk Singapura. Pemahaman dan kesedaran tentang kedua-dua aspek yang disasarkan ini harus dilaksanakan secara terancang.

Nilai murni teras yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- Amanah/Jujur
- Baik Hati
- Berdikari
- Budi Bahasa/Hemah Tinggi
- Kesian untuk Menerima/Menghargai sesuatu (contoh: idea/pandangan, pemberian)
- Hidup Bermasyarakat
- Hormat-menghormati
- Jimat Cermat
- Kasih Sayang
- Keadilan
- Kerja Keras/Kegigihan
- Kesabaran
- Kesian untuk Meneroka/Mencuba
- Kesetiaan
- Tolong-menolong/Bekerjasama
- Bersikap Tanggungjawab

Pendidikan Nasional pula mengandungi enam perutusan seperti yang berikut:

1. Singapura adalah tanah air kita; di sini tempat kita.
Kita mahu mengekalkan warisan dan cara hidup kita.
2. Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama
Walaupun kita terdiri daripada berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya, kita mempunyai nasib yang sama.
3. Kita mesti mendukung meritokrasi dan sifat amanah.
Ini bermakna peluang bagi semua, mengikut kebolehan dan usaha mereka.
4. Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura.
Kita mesti mencari jalan sendiri untuk bertahan dan mencapai kemakmuran.
5. Kita sendiri yang mesti mempertahankan Singapura.
Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan kita.
6. Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita.
Dengan bersatu, berazam dan bersedia, kita akan membina masa depan yang cerah bagi diri kita sendiri.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran ialah satu bentuk komunikasi dua hala yang melibatkan guru dan murid. Kedua-duanya bertindak untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam bilik darjah seperti yang dirancang. Untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan, guru perlu menjalankan pengajaran berlandaskan prinsip-prinsip yang mendasari kurikulum Bahasa Melayu. Pemilihan dan penggunaan bahan, kaedah dan teknik perlu disejajarkan dengan prinsip-prinsip yang dikemukakan.

a. Pembelajaran berpusat pada murid

Murid menjadi tumpuan utama dalam proses pembelajaran. Kaedah, teknik dan bahan pengajaran haruslah disesuaikan dengan keperluan, keupayaan dan gaya belajar setiap murid. Strategi pengajaran yang pelbagai perlu untuk membolehkan murid melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran secara berkesan.

b. Penerapan pelbagai bidang ilmu pengetahuan, budaya dan nilai Melayu

Penggunaan bahan pelbagai bidang ilmu perlu untuk mewujudkan situasi yang autentik dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Pembelajaran tentang budaya, tradisi dan nilai masyarakat Melayu yang disepadukan dalam konteks masyarakat berbilang budaya membolehkan murid menghubungkaitkannya dengan budaya Melayu kontemporari dan pandangan dunia mereka.

c. Orientasi proses

Pembelajaran bahasa mengutamakan proses dan bukan pada produk sahaja. Proses ini memberikan peluang kepada murid untuk memperoleh kemahiran berkomunikasi. Pengajaran berorientasikan proses berfokus pada bahasa dan strategi untuk menyelesaikan masalah berdasarkan aktiviti yang diberikan.

d. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan bertujuan untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran sesuatu kemahiran atau aspek bahasa secara bersepadu. Penggabungjalinan kemahiran, aspek bahasa, bahan pengajaran, dan strategi pengajaran dan pembelajaran menjadikan aspek-aspek pembelajaran saling melengkapi. Proses penggabungjalinan berupaya menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan, menarik dan bermakna dan memberikan peluang kepada murid untuk menguasai beberapa kemahiran secara serentak.

e. Pembelajaran kontekstual

Kaedah pembelajaran kontekstual mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid dan hubungannya dengan keluarga dan masyarakat. Selain itu kemahiran asas bahasa, tatabahasa, kosa kata dan peribahasa perlu dipelajari dalam konteks penggunaan bahasa sesuai dengan tujuan, khalayak, situasi dan budaya. Pengajaran dan pembelajaran aspek-aspek ini tidak dilakukan secara tersendiri tetapi dikenalkan dalam satu wacana komunikatif. Pembelajaran secara kontekstual membolehkan murid memahami fungsi aspek bahasa yang dipelajari dengan berkesan di samping berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu yang diperoleh secara bermakna.

f. Pengajaran pembezaan

Pengajaran pembezaan merupakan pendekatan pengajaran yang dapat menjangkau pelbagai kebolehan, minat dan keperluan murid di dalam bilik darjah. Aspek perbezaan ini merangkumi kandungan (konsep, prinsip dan kemahiran), proses (strategi dan aktiviti) dan produk (hasil dan cara penilaian). Pengajaran pembezaan ini perlu mengambil kira keperluan, tahap kesediaan, minat dan gaya belajar murid.

g. Kemajuan berbentuk lingkaran

Kemahiran berbahasa diajar dan diulang mengikut pemeringkatan. Kemahiran ini dibina secara berperingkat-peringkat. Semakin tinggi peringkat pembelajaran semakin luas ilmu dan semakin tinggi kemahiran yang dipelajari.

h. Komunikasi

Murid perlu diberi peluang untuk berkomunikasi dan melibatkan diri dalam pembelajaran secara aktif. Penglibatan murid penting dalam pembelajaran bahasa kerana murid berpeluang untuk melahirkan idea dan perasaan mereka melalui komunikasi yang dilakukan. Penglibatan sebegini juga dapat memperkukuh keyakinan diri murid dan mempererat hubungan sosial dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan agama.

i. Penilaian untuk pembelajaran

Penilaian untuk pembelajaran atau penilaian formatif bertujuan untuk memantau kemajuan murid secara berterusan dan interaktif. Dalam proses pembelajaran, guru berpeluang memberikan maklum balas bermutu kepada murid. Dengan yang demikian, dapat dikenal pasti keupayaan dan keperluan murid dalam pembelajaran. Selanjutnya guru dapat merancang aktiviti pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian murid.

Dalam pembelajaran bahasa di peringkat sekolah rendah, Kurikulum Bahasa Melayu menyarankan dua pendekatan utama, iaitu pendekatan komunikatif dan pendekatan konstruktivisme. Kedua-dua pendekatan ini saling melengkapi dan memperlihatkan dinamika proses interaksi yang menarik, bermakna dan menyeronokkan. Interaksi ini dapat meningkatkan penguasaan kemahiran murid melalui pengalaman sendiri agar murid dapat membina keyakinan berbahasa.

Untuk menjalankan pengajaran secara berkesan, guru perlu mempunyai pengetahuan tentang pendekatan, perkaedahan dan teknik. Guru juga digalakkan agar menggunakan pelbagai kaedah dan teknik mengajar. Kaedah atau teknik yang digunakan haruslah sesuai dengan kebolehan murid supaya minat murid terhadap pelajaran dapat dirangsang.

Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran bahasa juga bergantung pada keberkesanan pengelolaan kelas. Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, murid boleh dibahagikan kepada kumpulan yang lebih kecil:

- Kumpulan Secara Rambang
Murid ditempatkan dalam kumpulan secara rambang, biasanya pada awal tahun untuk memberikan mereka peluang berkenalan dengan rakan-rakan lain dalam kelas.
- Kumpulan Berdasarkan Keupayaan
Murid ditempatkan dalam kumpulan yang mempunyai tahap keupayaan yang sama untuk menjalankan aktiviti tertentu. Tujuannya agar murid dapat belajar dengan kepantasan yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Kumpulan ini boleh berubah-ubah bergantung kepada keperluan murid.

- Kumpulan Pelbagai Keupayaan
Murid yang mempunyai pelbagai keupayaan ditempatkan dalam kumpulan yang sama untuk menjalankan aktiviti kreatif atau kerja kumpulan. Ini bertujuan untuk mendedahkan murid kepada pembelajaran rakan sebaya, kepimpinan, kerjasama dan kerja kumpulan. Cara ini juga efektif untuk membantu murid yang lemah belajar daripada rakan mereka yang lebih berkebolehan.
- Berpasangan
Murid dipasangkan untuk melakukan aktiviti secara berpasangan, misalnya membaca bersama, melakukan permainan bahasa dan latihan bahasa.

Pembahagian murid kepada kumpulan kecil ini membantu untuk:

- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid
- merancang atau menyediakan rancangan pelajaran bagi kumpulan yang mempunyai masalah yang sama
- memberikan peluang kepada murid yang lebih baik untuk belajar lebih pantas daripada murid yang lemah
- menggalakkan sifat kepimpinan, inisiatif, kerjasama dan sifat mandiri dan
- memberikan peluang kepada murid belajar daripada rakan sebaya.

Sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan: Kurangkan Mengajar, Lebihkan Belajar (Teach Less, Learn More), guru digalakkan agar menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang dapat melibatkan murid secara aktif. Sehubungan dengan ini, sebanyak 15-20% daripada waktu kurikulum Bahasa Melayu dijadikan 'ruang putih' bagi setiap peringkat dari darjah 1 hingga darjah 6. Dengan adanya 'ruang putih' ini, guru berpeluang:

- mempelbagaikan dan menggunakan pedagogi yang efektif mengikut keupayaan murid supaya murid dapat terlibat secara aktif dalam mempelajari Bahasa Melayu
- membina dan melaksanakan kurikulum berasaskan sekolah untuk memenuhi pelbagai keperluan dan keupayaan murid.

Untuk melibatkan murid secara aktif, pengajaran dan pembelajaran bahasa haruslah memberikan perhatian kepada pengelolaan kelas dan prinsip-prinsip berikut:

- Penggunaan Pedagogi

Guru menggunakan strategi yang berbagai-bagai dan sesuai mengikut peringkat keupayaan dan kecerdasan murid yang pelbagai serta memahami gaya belajarnya. Guru harus melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran pedagogi dan berupaya meningkatkan pemahaman sedia ada murid sebaik mungkin. Dalam hal ini, guru perlu menyesuaikan cara dan bahan pengajarannya mengikut keupayaan murid yang berbeza-beza.

- Keadaan Persekitaran

Guru menyediakan satu suasana belajar yang tidak mengancam; memberangsangkan lagi produktif. Dengan mewujudkan suasana sedemikian, murid akan menjadi lebih bermotivasi dan dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran.

- Kandungan Pelajaran

Kandungan pelajaran haruslah relevan dan autentik. Kandungan seperti ini memerlukan murid menyelesaikan masalah yang realistik dalam konteks kehidupan sebenar. Melalui pembelajaran yang relevan dan berkontekstual, murid akan lebih terangsang untuk mendalami perkara yang dipelajarinya.


- Penilaian untuk Pembelajaran

Guru memberikan maklum balas yang konstruktif untuk membantu murid meningkatkan pembelajaran. Penilaian yang dilakukan haruslah selaras dengan kemahiran yang telah diajarkan dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Penilaian berbentuk formatif ini melibatkan murid secara langsung dalam mempertingkatkan perkara yang telah dipelajarinya.

- Pengalaman Pembelajaran

Pengalaman belajar murid harus dapat mencabar pemikiran, meningkatkan keupayaan mereka mencerna maklumat dan idea serta mengembangkan sifat mandiri dalam diri mereka. Guru harus dapat memaksimumkan pemikiran murid dan mengembangkan pemikiran itu ke tahap yang lebih tinggi.

Kesemua prinsip yang dinyatakan di atas dapat digambarkan dalam gambar rajah yang berikut:



Prinsip Pembelajaran dan Pengajaran yang Menegaskan Pelibatan Murid

Pengajaran Pembezaan

Secara umum, pengajaran pembezaan bermakna membezakan kandungan (konsep, prinsip dan kemahiran), proses (strategi dan aktiviti) dan produk (hasil dan cara penilaian) dalam pengajaran bagi kumpulan murid yang mempunyai keupayaan yang berbeza-beza. Dalam sesebuah bilik darjah, murid datang daripada latar belakang yang berbagai-bagai ragam, seperti dari segi kemampuan kognitif, keupayaan berbahasa, tahap motivasi dan sikap. Kepelbagaian latar belakang murid perlu diambil kira dalam merancang dan menjalankan pengajaran untuk memberikan peluang kepada semua murid terlibat dan aktif dalam pembelajaran.

Pengajaran pembezaan merupakan pendekatan pengajaran yang dapat menjangkau pelbagai kebolehan, minat dan keperluan murid di dalam bilik darjah. Dengan yang demikian, murid boleh dibantu untuk mendapat manfaat dan memaksimumkan potensinya.

Untuk membantu murid terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan seterusnya mencapai sesuatu kemahiran bahasa atau hasil pembelajaran, guru perlu memastikan perkara-perkara berikut disediakan dalam pengajaran mereka:

- kandungan dan objektif jelas
- pelajaran, aktiviti dan produk yang dibina dapat difahami dan diaplikasikan oleh murid
- bahan-bahan dan tugasan menarik dan relevan kepada murid
- pembelajaran yang aktif
- pembelajaran menyeronokkan dan memberikan kepuasan kepada murid.

Guru boleh membezakan perkara-perkara berikut dalam pengajaran mereka:

a. Kandungan

Pembelajaran pembezaan dapat dijalankan dengan membezakan kandungan atau bahan pengajaran: apa yang perlu dipelajari oleh murid dan bagaimana murid dapat memperoleh maklumat. Misalnya, guru boleh mempelbagaikan bahan bacaan murid mengikut tahap kesediaan dan keupayaan pembacaan murid. Guru juga boleh mengajar semula kandungan kepada murid yang menghadapi masalah dengan mengendalikan pertemuan kecil atau perbincangan. Sementara itu, guru boleh mengembangkan pemikiran dan kemahiran murid yang lebih cemerlang.

b. Proses

Guru boleh membezakan proses dengan menggunakan pelbagai aktiviti di dalam bilik darjah. Aktiviti-aktiviti ini dapat melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran untuk membolehkan murid menguasai kandungan atau kemahiran yang dipelajarinya. Guru juga boleh memperuntukkan jangka masa yang berlainan untuk murid melaksanakan sesuatu tugas agar dapat memberikan peluang kepada murid yang lemah melakukannya mengikut kemampuan mereka dan murid yang cemerlang pula berpeluang membuat kajian tentang topik yang dipelajarinya.

c. Produk

Guru perlu mempelbagaikan tugas untuk murid mengikut kemampuan mereka. Hal ini dapat memberikan peluang kepada murid secara individu atau berkumpulan, berfikir semula, menggunakan dan mengembangkan apa yang dipelajari berdasarkan keupayaannya sepanjang masa pembelajaran. Selain itu, dengan membezakan tugas, murid digalakkan untuk memberikan tumpuan pada cara-cara terbaik untuk menghasilkan produk berdasarkan daya fikir mereka tanpa mengabaikan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi.

Penerapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Pemerolehan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perlu bagi membolehkan murid menggunakan kemahiran tersebut dalam pembelajaran dan selanjutnya dalam kehidupan harian. Guru boleh menerapkan kemahiran ICT dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi menyokong pembelajaran murid. Dengan kata lain, kemahiran ICT ini diajarkan agar murid dapat:

- menggunakan komputer untuk berkomunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel
- menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian dan mengakses maklumat melalui internet.

Secara umum bidang kemahiran ICT yang boleh diterapkan termasuklah:

Bidang	Kemahiran ICT
Operasi Asas	Kemahiran meneroka dan menggunakan perisian
Pembelajaran melalui Pencarian	Kemahiran melungsur internet
Pembelajaran melalui Teks	Kemahiran menggunakan <i>word processing</i>
Pembelajaran melalui Multimedia	Kemahiran menggunakan alat penyampaian/ persembahan
Pembelajaran melalui Alat Komunikasi	Kemahiran asas komunikasi maya



PERANCANGAN PROGRAM BAHASA MELAYU DI SEKOLAH

Perancangan yang disediakan dengan rapi dan baik merupakan salah satu prasyarat yang penting dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Perancangan diperlukan, antara lain, untuk mengawal kegiatan yang berlaku di dalam bilik darjah; meningkatkan motivasi murid agar memberikan tumpuan yang lebih terhadap pelajaran dengan mengambil bahagian secara aktif; melicinkan pengurusan bilik darjah dan memudahkan tercapainya objektif pengajaran dan pembelajaran.

Guru digalakkan supaya menyediakan perancangan program Bahasa Melayu bersama-sama agar dapat menentukan aspek-aspek pengajaran, iaitu objektif, isi, strategi, aktiviti dan penilaian. Perancangan program perlu mengambil kira objektif pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat darjah rendah dan masa kurikulum yang diperuntukkan. Masa kurikulum selama seminggu yang diperuntukkan bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut. Jangka waktu bagi setiap satu masa yang diperuntukkan adalah selama 30 minit. Namun, jumlah masa kurikulum yang diberikan merupakan satu garis panduan. Sekolah boleh mengubah suai jumlah masa kurikulum bagi setiap subjek berdasarkan keperluan murid.

Peringkat	Masa dalam Seminggu
Darjah 1	13
Darjah 2	11
Darjah 3	9
Darjah 4	8
Darjah 5-6	8-10 ¹
Darjah 5-6 (Bahasa Melayu Asas)	5*

Perancangan program Bahasa Melayu yang disediakan harus merangkumi perancangan pengajaran berikut:

a. Pemulihan

Pengajaran pemulihan merupakan langkah khusus untuk membantu murid yang menghadapi masalah pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Guru harus merancang dan menjalankan aktiviti alternatif termasuk latihan-latihan tertentu untuk membantu murid menguasai sesuatu kemahiran atau memahami sesuatu konsep dengan lebih jelas. Guru juga harus menilai kejayaan program pemulihan itu untuk mengetahui kemajuan murid dan mengambil tindakan susulan.

¹ Waktu kurikulum tambahan mungkin diperlukan di luar masa kurikulum bagi pengajaran Bahasa Melayu Lanjutan.

* Dari 2009, masa dalam seminggu yang diperuntukkan bagi Bahasa Melayu Asas telah ditambah daripada 4 ke 5. Sila rujuk Surat Pemberitahuan PP/01/08 pada 17 Mac 08 untuk keterangan lanjut.

b. Pengukuhan

Dalam pembelajaran Bahasa Melayu, pengajaran pengukuhan dapat memantapkan lagi pemahaman dan penguasaan bahasa murid. Pengajaran pengukuhan dapat dilakukan dalam pelbagai cara, sesuai dengan kemahiran yang ingin dikukuhkan. Antara teknik yang boleh digunakan ialah Pembelajaran Koperatif, penggunaan Teknologi Maklumat dan permainan-permainan bahasa yang menyeronokkan.

c. Pengayaan

Aktiviti pengayaan bahasa boleh meluaskan pengetahuan dan pengalaman murid. Aktiviti ini haruslah lebih mencabar untuk mempertingkatkan keupayaan murid. Aktiviti yang dirancang hendaklah bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan murid. Guru boleh menjalankan aktiviti pengayaan secara tidak formal atau secara berstruktur bergantung pada sumber dan prasarana yang terdapat di sekelilingnya. Perkembangan teknologi dan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi memberikan lebih banyak alternatif bagi guru melaksanakan aktiviti pengayaan.

Aktiviti pengayaan boleh dianjurkan untuk menarik minat murid dan melalui aktiviti itu berbagai-bagai kerja susulan dapat dijalankan bagi meningkatkan kemahiran berbahasa murid. Umpamanya, untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid, guru boleh merancang dan melaksanakan program bacaan luas yang berstruktur. Guru juga boleh menganjurkan aktiviti lawatan sambil belajar ke institusi atau organisasi tertentu sama ada di dalam atau di luar negara untuk meluaskan pengalaman pembelajaran murid. Selain itu, perkhemahan bahasa yang memuatkan aktiviti-aktiviti bahasa dan budaya boleh dijalankan di peringkat sekolah, kelompok atau zon. Bagi memupuk minat dan meningkatkan kemahiran murid dalam penulisan kreatif, bengkel atau ceramah boleh dianjurkan untuk murid.

PENILAIAN

Penilaian merupakan aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian berupaya memberikan maklumat tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Melalui penilaian, guru dapat menentukan pencapaian matlamat pengajaran dan murid dapat mengetahui tahap keupayaannya.

Sesuatu penilaian yang dijalankan harus mencerminkan matlamat Sukatan Bahasa Melayu yang ditetapkan. Pada akhir pendidikan sekolah rendah, penilaian yang digunakan harus berupaya memberikan gambaran tentang kebolehan murid menggunakan bahasa Melayu baku secara berkesan dalam pelbagai konteks, tujuan dan khalayak. Penilaian harus juga dapat mencerminkan kebolehan murid berfikir secara kritis dan kreatif serta keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat, idea dan perasaan secara berkesan melalui penggunaan bahasa Melayu baku.

Dalam proses pembelajaran, sesuatu penilaian yang dijalankan bertujuan untuk memantau dan mengenal pasti kelakonan dan keperluan murid secara berterusan. Hal ini dapat membantu murid mempertingkatkan kelakonannya dalam pelajaran. Penilaian yang dilaksanakan dapat memberikan maklum balas yang kualitatif tentang kemajuan murid. Dengan yang demikian, keupayaan dan keperluan murid dalam pembelajaran dapat dikenal pasti dan tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan segera. Selanjutnya, guru dapat merancang strategi pengajaran bagi memenuhi keperluan murid.

Bagi menyediakan murid agar dapat bertutur menggunakan bahasa Melayu dengan fasih dalam pelbagai konteks, satu komponen penilaian berasaskan sekolah dianjurkan. Komponen ini diharapkan dapat membantu mengukuhkan kesedaran murid untuk meningkatkan mutu pertuturan mereka termasuk bagi keperluan peperiksaan. Hal ini juga bertujuan untuk membangkitkan kesedaran murid bahawa mereka dapat bertutur dalam bahasa Melayu baku sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak.

Secara umum, objektif sesuatu penilaian yang dijalankan merangkumi perkara-perkara berikut:

Murid dapat:

- mengetahui pencapaian objektif pembelajaran
- mengukur kemajuan peribadi
- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan
- merangsang pencapaian yang lebih tinggi.

Guru dapat:

- mengetahui pencapaian objektif pengajaran
- mengetahui keberkesanan pengajaran dan membuat penyesuaian
- memantau kemajuan murid bagi tujuan laporan dan tindakan susulan
- menganjurkan program pemulihan, pengukuhan dan pengayaan.

Prinsip Penilaian

Penilaian yang baik mempunyai ciri-ciri berikut.

a. Kesahan

Kesahan merujuk kepada takat sesuatu penilaian bagi memenuhi tujuannya. Dari segi kesahan, penilaian mestilah dapat mengukur perkara-perkara yang hendak dinilai dan bukan perkara lain. Penilaian merupakan contoh yang mewakili kandungan sukatan pelajaran dan hanya menguji aspek-aspek yang terkandung di dalam sukatan pelajaran.

b. Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan dalam penilaian merujuk kepada ketekalan dalam pelaksanaan berdasarkan ciri-ciri penilaian. Penilaian yang boleh dipercayai seharusnya mencerminkan keupayaan sebenar murid dan tidak mempunyai unsur diskriminasi; contohnya jantina, budaya dan bangsa.

c. Keobjektifan

Keobjektifan sesuatu penilaian bermaksud tafsiran yang sama bagi sesuatu kertas ujian oleh setiap murid. Pemarkahan tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti jantina, kaum, paras, latar belakang dan sosioekonomi.

d. Kebolehtadbiran

Kebolehtadbiran merujuk kepada kelicinan pentadbiran sesuatu ujian dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti susulannya. Kebolehtadbiran merangkumi faktor kos seperti masa, tenaga dan wang. Penilaian yang akan dijalankan mestilah tidak menggunakan masa, tenaga dan perbelanjaan yang di luar kemampuan.

e. Keberkesanan

Keberkesanan sesuatu penilaian itu bergantung pada kebolehan penilaian tersebut membezakan tahap pencapaian murid. Untuk ini, kriteria pemarkahan harus dinyatakan dengan jelas.

f. Positif dan Konstruktif

Penilaian harus dapat mengenal pasti secara sistematik kekuatan, kelemahan, cara belajar, keperluan, minat, sikap dan usaha murid. Penilaian juga memberikan maklumat bagi tindakan susulan yang sesuai dan segera bagi murid.

Kaedah Penilaian

Penilaian yang dijalankan mempunyai peranan tertentu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Jika guru ingin mengetahui tahap pencapaian yang berbeza antara murid, guru perlu menggunakan ujian rujukan norma. Sebaliknya, jika guru ingin mengetahui penguasaan kemahiran setiap murid, guru mestilah menggunakan ujian rujukan kriteria. Berikut ialah penerangan ringkas tentang kedua-dua kaedah penilaian ini:

a. Ujian Rujukan Kriteria

Ujian Rujukan Kriteria mengukur pencapaian seseorang murid dengan kriteria atau ukuran yang telah ditentukan. Kriteria-kriteria tersebut dijadikan tahap pencapaian dan sasaran yang digunakan oleh guru untuk menentukan sama ada seseorang murid telah menguasai sesuatu kemahiran. Ujian Rujukan Kriteria digunakan untuk mengetahui sejauh mana murid telah menguasai sesuatu kemahiran yang disasarkan.

b. Ujian Rujukan Norma

Ujian Rujukan Norma merujuk ujian yang mengukur pencapaian seseorang murid berbanding dengan pencapaian murid lain dalam kelas atau peringkat. Dalam pelaksanaan penilaian peringkat sekolah, ujian rujukan norma digunakan untuk penilaian yang bersifat sumatif seperti dalam ujian pada akhir tahun untuk tujuan pemilihan dan penempatan murid.

Jenis Penilaian

Penilaian terdiri daripada tiga jenis, iaitu penilaian diagnostik, formatif dan sumatif.

a. Penilaian Diagnostik

Penilaian diagnostik boleh dijalankan sebelum sesuatu pengajaran dilakukan, biasanya pada awal penggal persekolahan. Tujuan penilaian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti minat, gaya belajar, kecenderungan, keupayaan dan pengetahuan sedia ada murid. Guru boleh menggunakan pelbagai kaedah penilaian sama ada secara lisan, kertas dan pena dan melalui pemerhatian. Laporan balik yang diperolehi daripada penilai ini dapat membantu guru memilih dan menggunakan bahan-bahan pengajaran, kaedah dan aktiviti yang sesuai dengan keperluan dan kesediaan murid.

b. Penilaian Formatif

Penilaian formatif dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian formatif harus menggabungkan penilaian formal dan informal secara berterusan dan saling melengkapi untuk memanfaatkan murid. Maklumat yang diperolehi dapat memberikan maklum balas tentang sejauh mana sesuatu hasil pembelajaran telah dikuasai oleh murid. Oleh itu, guru dapat mengetahui kelemahan dan kekuatan serta potensi seseorang murid dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Untuk membantu dan membina kecekapan murid berbahasa, penilaian yang dianjurkan ialah penilaian untuk pembelajaran. Penilaian ini menjadi bahagian penting dalam rancangan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam hal ini dan mengamalkannya di bilik darjah.

Penilaian ini bertujuan untuk memantau kemajuan murid secara berterusan dan interaktif. Dalam proses pembelajaran, guru berpeluang memberikan maklum balas bermutu kepada murid. Dengan yang demikian dapat dikenal pasti keupayaan dan keperluan murid dalam pembelajaran.

Selanjutnya guru dapat merancang aktiviti pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian murid.

Berikut ialah beberapa prinsip bagi penilaian untuk pembelajaran:

- perlu memberikan tumpuan pada cara murid belajar
- harus peka dan bersifat membina
- mengambil kira kepentingan motivasi murid
- menggalakkan murid agar mempunyai iltizam untuk mencapai tujuan pembelajaran
- memberikan panduan yang membina kepada murid tentang cara untuk mempertingkatkan kemajuan
- membentuk keupayaan murid dalam penilaian supaya murid boleh membuat refleksi dan mengurus diri.

Dalam melaksanakan penilaian untuk pembelajaran secara berkesan, guru perlu melakukan perkara-perkara yang ada kaitan dengan pelaksanaannya, antaranya termasuk:

- benar-benar mengenali murid, mengetahui sebab murid melakukan kesilapan dan berupaya membuat keputusan untuk tindakan susulan
- berkongsi objektif pembelajaran dengan murid dan menggunakan objektif tersebut sebagai garis panduan untuk memeriksa kerja murid atau memberikan maklum balas
- memperuntukkan masa untuk menilai kerja guru dan kerja murid
- menggalakkan murid bertanggungjawab terhadap pembelajaran dengan menyediakan peluang-peluang untuk murid menerangkan strategi dan tindakan yang digunakan dalam menentukan kemajuan murid dalam pembelajaran
- menyediakan pelbagai contoh kemahiran, sikap, standard dan mutu untuk murid sebagai panduan untuk mencapai matlamat yang diinginkan
- menganalisis kelakonan murid seperti dalam ujian dan menggunakan maklumat yang diperolehi bagi merancang pembelajaran pada masa depan
- berasa yakin ketika menjalankan pengajaran dalam kelas
- menyediakan rancangan yang memberikan penekanan kepada:
 - objektif pembelajaran dan berkongsi objektif tersebut dengan murid
 - kriteria penilaian bagi tujuan maklum balas, pemarkahan, penilaian teman sebaya
 - kumpulan murid dalam kelas yang mempunyai keupayaan pelbagai
 - pengenalpastian murid yang memerlukan kerja tambahan dan pengukuhan.

Pelaksanaan penilaian untuk pembelajaran yang berkesan juga bergantung pada sokongan pihak sekolah. Pihak sekolah perlu menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan sikap saling percaya, sikap yang baik dan pembentukan harga diri dan kepercayaan dalam kalangan guru dan juga murid.

c. Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif dikaitkan dengan penilaian pada akhir semester atau tahun. Penilaian ini memberikan nilai yang membezakan pencapaian antara seorang murid dengan murid yang lain dan sering digunakan dalam membuat pemilihan, contohnya bagi tujuan penempatan. Pada masa yang sama, hasil daripada penilaian sumatif merumuskan penguasaan murid pada keseluruhannya bagi satu sesi pembelajaran dalam satu semester atau dalam satu tahun.

SENARAI PERIBAHASA

Darjah 3 dan 4

	Peribahasa	Maksud/Makna
1	ada akal	memiliki idea
2	ada bakat	berkebolehan, berkeupayaan
3	ada hati	ada kemahuan atau keinginan atau cita-cita untuk melakukan atau memiliki sesuatu
4	ada jalan	mempunyai cara untuk melakukan sesuatu
5	ambil berat	<ul style="list-style-type: none"> • memberikan perhatian atau menumpukan perhatian dengan sepenuh hati • mengambil tahu tentang sesuatu
6	ambil hati	berasa kecewa atau tersinggung kerana kelakuan atau perbuatan seseorang
7	anak emas	orang yang sangat disayangi
8	baik budi	berperangai mulia dan mempunyai peribadi yang baik
9	berat sebelah	<ul style="list-style-type: none"> • tidak adil • menyebelahi satu pihak
10	besar hati	perasaan bangga atau gembira terhadap sesuatu pemberian atau pertolongan
11	buah tangan	barang yang dibawa sebagai hadiah
12	campur tangan	masuk campur dalam sesuatu urusan
13	cari jalan	berikhtiar mengatasi masalah ataupun mencari peluang meneruskan sesuatu yang dirancang
14	hati emas	sangat baik hati

	Peribahasa	Maksud/Makna
15	hidung tinggi	sombong
16	ikat perut	<ul style="list-style-type: none"> • lokek atau kedekut • mengurangkan makan kerana hendak berjimat
17	jaga mulut	hati-hati apabila bercakap
18	jalan tengah	tidak berat sebelah atau tidak memihak kepada sesiapa
19	keras hati	sangat degil
20	lepas tangan	<ul style="list-style-type: none"> • tidak mahu mengambil tahu • tidak mahu bertanggungjawab dalam sesuatu perkara
21	lurus akal	jujur
22	membawa nasib	mencari penghidupan di tempat lain
23	muka tembok	tidak tahu malu
24	murah hati	suka memberikan bantuan
25	orang tengah	pendamai antara dua pihak
26	ringan mulut	peramah/mudah menyatakan pendapat
27	ringan tulang	rajin bekerja
28	tajam akal	cepat menerima pelajaran
29	tanda mata	hadiah yang diberikan sebagai kenangan
30	tolak ansur	<ul style="list-style-type: none"> • bersefahaman • saling memberi

Darjah 5 dan 6

	Peribahasa	Maksud/Makna
1	air dicencang tiada putus	dua orang yang bersaudara tidak dapat dipisahkan oleh perselisihan
2	bagai aur dengan tebing	hidup saling bekerjasama
3	bagai dakwat dengan kertas	tidak pernah bercerai, sangat cocok
4	bagai isi dengan kuku	sangat rapat
5	bagai menghitung bulu kambing	mengerjakan sesuatu yang sia-sia
6	bagai tikus membaiki labu	orang yang cuba membaiki sesuatu yang tidak diketahuinya, akhirnya merosakkannya
7	banting tulang	kerja keras dengan bermati-matian
8	berani mati	sangat tekad
9	diam-diam ubi	pendiam tetapi berfikir atau banyak pengetahuan
10	kata putus	<ul style="list-style-type: none"> • ketentuan terakhir • keputusan rundingan
11	lapang dada	berasa senang atau mempunyai perasaan yang sabar
12	makan suap	menerima rasuah
13	memerah otak	<ul style="list-style-type: none"> • berfikir • belajar bersungguh-sungguh
14	mengorak langkah	berikhtiar
15	panjang akal	bijaksana
16	perah tenaga	bertungkus-lumus

	Peribahasa	Maksud/Makna
17	putih hati	ikhlas
18	seperti anjing dengan kucing	dua orang yang sering bertengkar apabila bertemu
19	seperti garam jatuh di air	cepat meresap atau segera dimengerti nasihat atau pelajaran
20	seperti kacang lupakan kulit	tidak mengenang jasa atau budi orang yang pernah membela atau menolongnya
21	seperti katak di bawah tempurung	<ul style="list-style-type: none"> terhad pengetahuan atau pengalaman apa yang diketahui ialah hal-hal yang ada di sekelilingnya sahaja
22	seperti lipas kudung	<ul style="list-style-type: none"> selalu bergerak dengan cepat selalu sibuk bekerja
23	seperti pahat dengan penukul	satu sama lain bantu-membantu
24	tahan hati	tabah
25	tahan uji	berani diuji kebaikan atau keberanian
26	tajam hati	pintar atau cerdas
27	tajam ingatan	<ul style="list-style-type: none"> tidak cepat lupa sentiasa ingat apa yang berlaku di sekitarnya
28	tangan kosong	datang bertandang ke sesuatu tempat tanpa membawa apa-apa
29	tangan terbuka	menerima kedatangan seseorang dengan gembira atau sukacita
30	tulang belakang	sumber kekuatan atau orang yang dianggap tempat berlindung dalam sesuatu kumpulan dan lain-lain

Tambahan
Darjah 5 dan 6 (Bahasa Melayu Lanjutan)

	Peribahasa	Maksud/Makna
1	ayam tambatan	orang harapan
2	bagai cembul dengan tutup	memang sesuai benar
3	bagai lebah menghimpun madu	sangat rajin
4	buka pintu	<ul style="list-style-type: none"> • memberikan kebenaran masuk • memberikan peluang untuk berunding
5	seperti air dalam kolam	orang yang tenang sikap dan tingkah lakunya
6	seperti ikan pulang ke lubuk	orang yang telah balik ke tempat asalnya payahlah hendak berdagang semula
7	seperti menatang minyak yang penuh	sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurnanya
8	tanam budi	berbuat baik
9	tumbuk rusuk	memberikan rasuah
10	umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul jua	orang yang baik biar di mana sekalipun akan dimuliakan juga